

Ahmadshah canselor baru UMS

KOTA KINABALU: Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Ahmadshah Abdullah telah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), menggantikan Tun Sakaran Dandai.

Pelantikan beliau berkuatkuasa 1 Jan lepas hingga 31 Dis 2007, menurut satu kenyataan UMS kelmarin.

Watikah pelantikan yang ditandatangani Yang di-Pertuan Agong telah disampaikan kepada beliau oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egeh di Istana Negeri, di sini kelmarin.

Ahmadshah yang dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Sabah pada 1 Jan lepas merupakan Canselor UMS yang kedua selepas Sakaran yang menyandang jawatan itu antara 1 Jun 1998 dan 31 Dis 2002.

Antara yang hadir di upacara penyampaian watikah itu ialah Naib Canselor UMS Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman dan beberapa pegawai kanan universiti.

"Seluruh warga UMS mengalu-alukan pelantikan Tun Canselor dan berharap universiti akan mengecapi kecemerlangan di bawah naungan beliau," menurut kenyataan itu. - Bernama